

PEGAWAI PERUBATAN

TAWARAN D

**Permohonan Mengikuti Program Kepakaran
Laluan Paralel Dengan Tajaan Hadiah Latihan
Persekutuan (Lantikan Tetap) / Biasiswa (Lantikan
Kontrak) KKM Sesi 2026/2027**

BIL	KANDUNGAN	MUKA SURAT
i.	PENGENALAN	1
ii.	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	2-4
iii.	SYARAT-SYARAT KHUSUS DAN KADEAH LATIHAN BAGI SETIAP BIDANG	4
iv.	TATACARA PERMOHONAN	4-5
v.	KAEDAH SARINGAN CALON	5
vi.	DOKUMEN SEMASA SARINGAN II OLEH JAWATANKUASA TEKNIKAL	5-6
vii.	PENAWARAN PENAJAAN	6
viii.	PERINGATAN PENTING KEPADA PEGAWAI	7-8
ix.	SENARAI SEMAK PERMOHONAN PROGRAM KEPAKARAN LALUAN PARALEL	9
x.	LAMPIRAN A – SYARAT-SYARAT KHUSUS DAN KADEAH LATIHAN BAGI SETIAP BIDANG	10-20
xi.	LAMPIRAN B - JENIS-JENIS PENYAKIT	21
xii.	PEGAWAI PERUBATAN TETAP/KONTRAK SENARAI SEMAK DOKUMEN SEMASA SESI TEMUDUGA	22-23
xiii.	LAMPIRAN 1 – BORANG MAKLUMAT PERKHIDMATAN	24-25
xiv.	BORANG REFEREE LATIHAN LALUAN PARALEL DENGAN TAJAAN HLP/BIASISWA, KKM	26-27

PEGAWAI PERUBATAN TETAP DAN KONTRAK

IKLAN

Permohonan Mengikuti Program Kepakaran Laluan Paralel dengan Tajaan Hadiah Latihan Persekutuan/ Biasiswa KKM Sesi 2026 / 2027

Permohonan adalah dipelawa kepada **Pegawai Perubatan Tetap** dan **Pegawai Perubatan Kontrak** yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia dan berkelayakan bagi mengikuti Program Kepakaran Laluan Paralel Dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)/ Biasiswa KKM di dalam dan luar negara (mengikut bidang). Semua pelatih perlu memohon melalui Tawaran D bagi sesi 2026/2027 dan tidak perlu lagi berdaftar melalui Bahagian Perkembangan Perubatan/ Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (surat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), ruj. KKM600-25/8/3JLD10(74), bertarikh 27 Oktober 2022 adalah dirujuk). Bidang yang ditawarkan adalah seperti di bawah dan maklumat terperinci seperti di **Lampiran A**

BIL.	BIDANG
1	Anestesiologi dan Rawatan Kritikal/ <i>Anaesthesiology and Critical Care</i>
2	Pembedahan Kardiotorasik/ <i>Cardiothoracic Surgery</i>
3	Onkologi / <i>Oncology</i>
4	Radiologi Klinikal/ <i>Clinical Radiology</i>
5	Perubatan Kecemasan/ <i>Emergency Medicine</i>
6	Perubatan Keluarga/ <i>Family Medicine (FRACGP)</i>
7	Pediatrik Am/ <i>General Paediatrics</i>
8	Perubatan Dalaman/ <i>Internal Medicine</i>
9	Obstetrik dan Ginekologi/ <i>Obstetrics and Gynaecology</i>
10	Oftalmologi/ <i>Ophthalmology</i>
11	Pembedahan Plastik/ <i>Plastic Surgery</i>
12	Psikiatri/ <i>Psychiatry</i>
13	Urologi/ <i>Urology</i>

14	Perubatan Keluarga/ Family Medicine (<i>MICGP</i>)
15	Patologi Forensik / <i>Forensic Pathology</i>

1) SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pegawai perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- a) Berkhidmat secara Kontrak atau Tetap;
- b) Bagi pegawai lantikan Kontrak:
 - i. Pegawai Perubatan KKM Lantikan Kontrak di bawah Surat Pekeliling Ketua Setiausaha (SPKSU) Bil 4/2016 dan masih dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan; atau
 - ii. Pegawai Perubatan KKM Lantikan Kontrak yang mendapat tawaran kesinambungan perkhidmatan bagi persediaan pengajian kepakaran seperti yang diperuntukkan dalam surat edaran Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) rujukan KKM-500-8/1/20 Jld. 8 (11) bertarikh 5 Januari 2022; atau
 - iii. Pegawai Perubatan KKM Lantikan Kontrak sehingga 31 Disember 2022 yang menjalani Latihan Siswazah atau Housemanship di luar negara;
 - iv. Pegawai Perubatan Lantikan Kontrak sebelum **1 Januari 2022 yang dilantik tetap sehingga 31 Disember 2025** tetapi belum disahkan dalam perkhidmatan; dan
 - v. Pegawai tidak pernah meletak jawatan atau ditamatkan perkhidmatan kontrak (Pegawai Perubatan Kontrak).
- c) Telah berkhidmat dengan KKM sekurang-kurangnya tiga (3) tahun (termasuk latihan siswazah) dan dilantik pada/sebelum **1 Januari 2022**;
- d) Telah disahkan dalam skim perkhidmatan semasa (bagi Pegawai Lantikan Tetap);
- e) Memperoleh markah purata Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 85 peratus bagi tempoh genap tiga (3) tahun kalendar berturut-turut;

- i. Pengecualian penilaian genap 12 bulan bagi tahun penilaian **hanya diberikan** kepada pegawai wanita yang pernah mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG) atau Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anak tidak melebihi 90 hari dalam tahun penilaian sebagaimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2014;
 - ii. Pengecualian penilaian genap 12 bulan untuk pengiraan purata LNPT diberikan kepada Pegawai Lantikan Kontrak yang menjalani Latihan Siswazah atau *Housemanship* di luar negara (Lantikan sehingga 31 Disember 2022);
- f) Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia), mengikut yang mana berkenaan;
- g) Pegawai bersih / bebas daripada sebarang pertuduhan / prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan / atau dalam proses dakwaan mahkamah;
- h) Telah mengisyiharkan harta;
- i) Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman/ peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain.
 - j) Tidak pernah menerima sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama;
 - k) Tidak pernah gagal atau menarik diri daripada sebarang kursus tajaan Kerajaan Malaysia (Kecuali telah selesai bayaran penalti kursus yang terdahulu) ;
 - l) Tidak pernah menolak tawaran yang ditawarkan oleh Bahagian Pengurusan Latihan, KKM dalam tempoh dua (2) tahun yang lepas;
 - m) Setiap pegawai dikehendaki membuat perakuan mengenai status kesihatan masing-masing. Masalah kesihatan tertentu mungkin boleh menyebabkan pegawai tidak dapat memenuhi tanggungjawab profesional dan peribadinya, dan seterusnya mungkin menyebabkan pegawai tidak dapat mengamal dengan selamat disebabkan oleh penyakit fizikal atau mental.
- n) Bagi pegawai yang mempunyai masalah kesihatan seperti di **Lampiran B**, kesesuaian untuk diterima menjalani latihan kepakaran akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal bagi bidang kepakaran masing-masing. Pegawai

perlu mengemukakan laporan perubatan dari pakar perubatan Kerajaan untuk mengesahkan status kesihatan dan rawatan terkini.

- o) Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam Garis Panduan kemudahan cuti belajar kepada pegawai awam yang mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa; dan
- p) Pegawai hendaklah mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka pendek / panjang yang terdahulu dengan jayanya sejajar dengan ketetapan Garis Panduan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana Dan Kursus Jangka Masa Panjang Secara Sepenuh Masa dan Dasar Pembangunan Bakat Perkhidmatan Awam oleh Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) seperti berikut;

Jenis kursus terdahulu	Kursus di dalam negara	Kursus di luar negara
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun	
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun	3 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada	1 tahun

2) SYARAT-SYARAT KHUSUS DAN KAEDEH LATIHAN BAGI SETIAP BIDANG ADALAH SEPERTI DI LAMPIRAN A

3) TATACARA PERMOHONAN

- a) Permohonan hendaklah dibuat kepada BPL secara dalam talian (*online*) menerusi Sistem Permohonan eHLP KKM <http://ehlp.moh.gov.my>. **Permohonan di luar iklan adalah TIDAK DIBENARKAN.**
- b) Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan atau permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- c) Hanya Pegawai yang layak tapisan KKM akan dipertimbangkan untuk ditawarkan mengikuti Latihan Kepakaran ini. Pegawai yang tidak memohon atau tidak melepassi tapisan KKM walaupun telah ditawarkan tempat latihan di institusi (Luar Negara) tidak akan dipertimbangkan sebarang Cuti Belajar bagi mengikuti latihan kepakaran.
- d) Surat tawaran dan dokumen perjanjian akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya oleh BPL melalui Ketua Jabatan masing-masing.

- e) Tawaran yang dikeluarkan oleh BPL sahaja dianggap sah untuk mengikuti latihan ini.
- f) Ketua Jabatan adalah merujuk kepada **Pengarah Bahagian KKM / JKN / Institusi / Hospital / Ketua PTJ.**

4) KAEDAH SARINGAN CALON

Pegawai yang memohon Latihan Kepakaran Laluan Parallel perlu melalui dua proses saringan utama pemilihan iaitu:

- i. Saringan I (Syarat Umum)
 - a) Permohonan calon melalui Sistem eHLP KKM akan disaring sepenuhnya oleh BPL, KKM melibatkan syarat-syarat umum.
- ii. Saringan II
 - b) Senarai calon yang melepas Saringan I akan dikemukakan kepada Ketua Kepakaran Bidang untuk proses Saringan II melibatkan syarat-syarat khusus serta proses temu duga tertakluk kepada keperluan bidang kepakaran masing-masing.

5) DOKUMEN SEMASA SARINGAN II OLEH JAWATANKUASA TEKNIKAL

- a) Dokumen-dokumen berikut hendaklah dibawa bersama **semasa sesi penilaian** yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal (**bagi pegawai yang telah berjaya melepas tapisan pertama**):
 - i. **Dua (2) salinan** Borang Permohonan *Online*;
 - ii. **Dua (2) salinan** Borang Maklumat Pekhidmatan (Lampiran 1)
 - iii. **Dua (2) salinan** Laporan Referee (2 orang);
 - iv. **Dua Salinan** *Medical Report* (Laporan Perubatan) (jika berkaitan). Jenis-jenis penyakit adalah seperti di Lampiran B;
 - v. **Dua (2) salinan** Surat (*Covering letter*) daripada Jabatan/tempat bertugas dengan sokongan/ulasan bagi tujuan kebenaran mengikuti latihan/kesesuaian bidang;
 - vi. **Dua (2) salinan** Keputusan Peperiksaan seperti dalam Syarat-syarat khusus (jika berkaitan) dan disahkan;

- vii. **Dua (2) salinan Kenyataan Perkhidmatan** yang telah dikemaskini dan disahkan;
- viii. **Dua (2) salinan Surat Pengesahan Jawatan** daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan disahkan;
- ix. **Dua (2) salinan Sijil Pendaftaran Penuh** dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) dan disahkan; dan
- x. **Dua (2) salinan** Dokumen sokongan yang lain (Salinan Kad Pengenalan, sijil SPM, transkrip peperiksaan dan lain-lain) dan disahkan.
- xi. Lain-lain dokumen tertakluk kepada keperluan bidang masing-masing dan akan dimaklumkan secara berasingan.

6) PENAWARAN PENAJAAN

- a) Penawaran penajaan hanya diberi kepada pegawai yang telah melepassi sepenuhnya tapisan di peringkat Saringan I dan Saringan II.
- b) Surat Tawaran Bersyarat (STB) dan dokumen perjanjian akan dikeluarkan kepada calon berjaya penawaran sahaja. Dokumen penawaran tersebut boleh dimuat turun melalui Sistem eHLP KKM.
- c) Hanya tawaran yang dikeluarkan oleh BPL, KKM sahaja yang dianggap sah untuk membolehkan pegawai mengikuti latihan kepakaran ini.
- d) KKM berhak menentukan penempatan latihan pegawai yang akan mengikuti latihan kepakaran ini mengikut pelan latihan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Latihan Kepakaran bidang masing-masing;
- e) Pegawai yang menolak tawaran ini akan disenarai hitam dari memohon kemasukan ke latihan kepakaran yang ditawarkan oleh BPL, KKM untuk dua (2) sesi penawaran;
- f) Pegawai tidak dibenarkan untuk menarik diri daripada pengajian atau menukar bidang setelah menandatangani kontrak perjanjian. Pegawai adalah tertakluk sepenuhnya kepada kontrak perjanjian yang berkuatkuasa dan akan dikenakan penalti sekiranya berlaku pelanggaran perjanjian.

PERINGATAN PENTING KEPADA SEMUA PEGAWAI

1. Tarikh tutup permohonan adalah pada **05 November 2025** Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut **tidak akan dipertimbangkan**.
2. Pegawai hendaklah memohon secara dalam talian (*online*) melalui Sistem Permohonan eHLP KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>).
3. Semakan **keputusan penawaran** Hadiah Latihan Persekutuan (**HLP**) boleh diketahui pada **Mei 2026 (tertakluk kepada perubahan)** melalui Sistem Permohonan Hadiah Latihan Persekutuan KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>). Pemakluman keputusan akan diwar-warkan di laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (<http://www.moh.gov.my>) dan Bahagian Pengurusan Latihan KKM (<http://latihan.moh.gov.my>)
4. Sila ambil maklum bahawa penerima biasiswa mulai sesi latihan 2026/2027 adalah tertakluk kepada **Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

1. Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Ketua Jabatan diminta untuk membuat semakan perancangan yang teliti dan hanya memperakukan pegawai yang boleh dilepaskan pada tahun 2026/2027 kelak.
3. Bahagian Pengurusan Latihan berhak menolak permohonan yang didapati tidak menepati syarat yang dinyatakan di atas.
4. Ketua Jabatan adalah merujuk kepada **Pengarah Bahagian KKM / JKN / Institusi / Hospital / Ketua PTJ**.

5. Sila ambil maklum akan tarikh-tarikh penting bagi penawaran ini seperti berikut:

Tarikh	Keterangan
06 Oktober 2025	Permohonan dibuka
05 November 2025	Tarikh tutup permohonan
12 November 2025	Tarikh akhir pengesahan maklumat oleh Unit Sumber & Sokongan Ketua Jabatan
Mei 2026	Keputusan (tertakluk kepada perubahan)

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PROGRAM KEPAKARAN LALUAN PARALEL

Penting: Untuk rujukan pegawai

1. Pegawai perlu memastikan markah penilaian adalah markah purata daripada Pegawai Penilai Pertama & Pegawai Penilai Kedua;
2. Bagi pegawai lantikan kontrak ke tetap, pegawai perlu memasukkan tarikh lantikan kontrak pertama pegawai dan Unit Sumber perlu membuat catatan tarikh pegawai dilantik tetap;
3. Bagi pegawai lantikan kontrak, pegawai perlu memasukkan tarikh lantikan kontrak yang pertama;
4. Pegawai perlu mematuhi had umur mengikut bidang;
5. Pegawai perlu mematuhi kelayakan mengikut bidang;
6. Pegawai perlu memastikan pihak Unit Sumber yang dimasukkan mempunyai rekod perkhidmatan pegawai dan boleh mengesahkan maklumat;
7. Pegawai perlu memasukkan emel Ketua Jabatan yang sah (mengikut ketetapan fasiliti); dan
8. Pegawai perlu peka dan memantau status permohonan sepanjang tempoh iklan dibuka hingga tamat tempoh pengesahan Ketua Jabatan di sistem.

Untuk rujukan Unit Sumber:

1. Memaklumkan di ruang catatan sekiranya calon dalam prosiding tatatertib;
2. Mengesahkan maklumat calon dalam tempoh yang diberikan;
3. Memastikan Ketua Jabatan menerima emel untuk menyokong permohonan calon

LAMPIRAN A

Bil.	Bidang	Syarat Khusus	Kaedah & Tahun Latihan
1	Urologi	<p>Kelulusan: Fellowship of the Royal College of Surgeons of Glasgow in Urology</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) dalam bidang Pembedahan termasuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang Urologi. 2. Telah lulus kertas peperiksaan: Membership of the Royal College of Surgeon (MRCS) <ul style="list-style-type: none"> i. MRCS (Ireland) Part A dan Part B; atau ii. MRCS (England) Part A dan Part B; atau iii. MRCS (Edinburgh) Part A dan Part B; atau iv. MRCS (Glasgow) Part A dan Part B. 3. Telah berdaftar untuk menduduki mana-mana Peperiksaan MRCS Part B seperti tersenarai di atas (2) bagi sesi 2025 atau 2026 dan lulus peperiksaan tersebut. 4. Lulus saringan temuduga daripada Jawatankuasa Teknikal Latihan Kepakaran Laluan Parallel bidang Urologi. (panggilan temuduga tertakluk kepada saringan awal yang akan dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal Latihan Kepakaran bidang Urologi). 5. Berumur tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan. 	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Sepenuhnya Dalam Negara</p>
2	Pembedahan Kardiotorasik	Kelulusan: Fellowship of the Royal College of Surgeons of Edinburgh in Cardiothoracic Surgery	Tempoh Latihan: 6 tahun

Bil.	Bidang	Syarat Khusus	Kaedah & Tahun Latihan
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebagai Pegawai Perubatan dalam bidang Pembedahan termasuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang Kardiotorasik 2. Telah lulus kertas peperiksaan: <p style="margin-left: 20px;">Membership of the Royal College of Surgeon (MRCS)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. MRCS (Ireland) Part A dan Part B atau; ii. MRCS (England) Part A dan Part B; atau iii. MRCS (Edinburgh) Part A dan Part B; atau iv. MRCS (Glasgow) Part A dan Part B. 3. Telah berdaftar untuk menduduki mana-mana Peperiksaan MRCS Part B seperti tersenarai di atas (2) bagi sesi 2025 atau 2026 dan lulus peperiksaan tersebut. 4. Lulus saringan temuduga daripada Jawatankuasa Teknikal Latihan Kepakaran Laluan Parallel bidang Pembedahan Kardiotorasik 5. Berumur tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan 	Kaedah Latihan: Kombinasi (Latihan Luar Negara) <ul style="list-style-type: none"> - 5 Tahun di dalam negara - 1 Tahun di luar negara
3	Onkologi	<p>Kelulusan: Fellowship of the Royal College of Radiologists of United Kingdom (Clinical Oncology)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan. 2. Telah lulus kertas peperiksaan: <ul style="list-style-type: none"> i. Sekurang-kurangnya 2 modul dalam kertas peperiksaan Fellowship of the Royal College of Radiologists (Clinical Oncology) (UK) Part 1; dan 	Tempoh Latihan: 4 tahun Kaedah Latihan: Kombinasi (Latihan Luar Negara) <ul style="list-style-type: none"> - 2 Tahun di dalam negara

Bil.	Bidang	Syarat Khusus	Kaedah & Tahun Latihan
		<ul style="list-style-type: none"> ii. Medical Specialist Pre-Entrance Examination (MedEx-Clinical Oncology) sekurang-kurangnya band 4; atau iii. Membership of Royal College of Physicians, MRCP (UK) atau MRCP (Ireland). 3. Lulus saringan temuduga daripada Jawatankuasa Teknikal Latihan Kepakaran Laluan Parallel bidang Onkologi. 4. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan. 	<ul style="list-style-type: none"> - 2 Tahun di luar negara
4	Perubatan Keluarga (MICGP)	<p>Kelulusan: Membership of the Irish College of General Practitioners</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) 2. Calon juga dikehendaki mengisi permohonan di laman sesawang MINTFM (https://www.rumc.edu.my/mintfm) 3. berumur tidak melebihi 43 tahun dari tarikh tutup iklan 	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Sepenuhnya Dalam Negara</p>
5	Perubatan Keluarga GCFM-ATFM / FRACGP	<p>Kelulusan: International Conjoint Fellowship of the Royal Australian College of General Practitioners</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) dan sedang bertugas di klinik kesihatan. 2. Memenuhi semua syarat kemasukan program GCFM dan ATFM seperti yang ditetapkan oleh Akademi Kedoktoran Keluarga Malaysia (AFPM – Academy of Family Physicians of Malaysia) 	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Sepenuhnya Dalam Negara</p>

Bil.	Bidang	Syarat Khusus	Kaedah & Tahun Latihan
		3. Calon juga dikehendaki mengisi permohonan di laman sesawang AFPM (https://www.afpm.org.my) 4. Berumur tidak melebihi 43 tahun dari tarikh tutup iklan	
6	Perubatan Dalaman	Kelulusan: Membership of the Royal Colleges of Physicians of the United Kingdom, MRCP (UK) atau Membership of the Royal College of Physicians of Ireland, MRCPI 1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan 2. Telah lulus kertas peperiksaan <ul style="list-style-type: none"> i. Membership of the Royal Colleges of Physicians of the United Kingdom, MRCP (UK) Part 1; atau ii. Membership of the Royal College of Physicians of Ireland, MRCPI General Medicine Part 1; iii. Medical Specialist Pre-entrance Examination (MedEx-Internal Medicine) sekurang-kurangnya band 4. 3. Telah berdaftar untuk menduduki Peperiksaan MRCP (UK) Part 1 atau MRCPI General Medicine Part 1 sesi 2025 atau 2026 pada tarikh tutup iklan dan lulus peperiksaan tersebut. 4. Lulus saringan daripada Jawatankuasa Teknikal Latihan Kepakaran Laluan Parallel bidang Perubatan Dalaman 5. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan	Tempoh Latihan: 4 tahun Kaedah Latihan: Sepenuhnya Dalam Negara
7	Pediatric Am	Kelulusan: Membership of the Royal College of Paediatrics and Child Health of United Kingdom	Tempoh Latihan: 4 tahun

Bil.	Bidang	Syarat Khusus	Kaedah & Tahun Latihan
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan 2. Telah lulus kertas peperiksaan; Membership of Royal Colleges of Paediatrics and Child Health, MRCPCH (UK) <ul style="list-style-type: none"> i. MRCPCH (UK) Foundation of Practice (FOP); atau ii. MRCPCH (UK) Theory and Science (TAS); atau iii. MRCPCH (UK) Applied Knowledge in Paediatrics (AKP); atau iv. Medical Specialist Pre-Entrance Examination (MedEx-Paediatrics). 3. Telah berdaftar untuk menduduki Peperiksaan MRCPCH FOP / TAS/ AKP pada sesi 2025 atau 2026 atau MedEx-Paediatrics sesi 2025 pada tarikh tutup iklan dan lulus peperiksaan tersebut. 4. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan 	Kaedah Latihan: Sepenuhnya Dalam Negara
8	Psikiatri	<p>Kelulusan: Membership of the Royal College of Psychiatrists of United Kingdom</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan 2. Mempunyai Sijil Pendaftaran Penuh dari Majlis Perubatan Malaysia dan mempunyai <i>Annual Practicing Certificate</i> (APC) yang terkini 3. Telah lulus kertas peperiksaan; <ul style="list-style-type: none"> i. Membership of the Royal College of Psychiatrists (MRCPsych, UK) Paper A; atau ii. Medical Specialist Pre-Entrance Examination 	Tempoh Latihan: 4 tahun Kaedah Latihan: Sepenuhnya Dalam Negara (Peperiksaan di Luar Negara)

Bil.	Bidang	Syarat Khusus	Kaedah & Tahun Latihan
		<p>(MedEx-Psychiatry) dengan sekurang-kurangnya Band 4.</p> <p>4. Telah berdaftar untuk menduduki Peperiksaan (MRCPsych, UK) Paper A sesi 2025 atau 2026 atau MedEx-Psychiatry sesi 2025 pada tarikh tutup iklan dan lulus peperiksaan tersebut.</p> <p>5. Berjaya melengkapkan semua Essential Learning Activities (ELAs)</p> <p>6. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan</p>	
9	Perubatan Kecemasan	<p>Kelulusan: Fellowship of the Royal College of Emergency Medicine United Kingdom</p> <p>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan pengalaman dalam bidang Perubatan Kecemasan sebagai pegawai perubatan (MO).</p> <p>2. Telah lulus kertas peperiksaan;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membership of the Royal College of Emergency Medicine (MRCEM (UK)) Primary Examination; atau ii. Medical Specialist Pre-Entrance Examination (MedEx-Emergency Medicine) sekurang-kurangnya band 4 dengan keputusan masih sah iaitu dalam tempoh tiga (3) tahun sebelum tahun tawaran kemasukan. <p>3. Telah berdaftar untuk menduduki Peperiksaan MRCEM (UK) Primary Examination sesi 2025 atau MedEx-Emergency Medicine sesi 2025 pada tarikh tutup iklan dan lulus peperiksaan tersebut.</p> <p>4. Berjaya melengkapkan Advanced Cardiac Life Support (eg, ACLS, ALS) dan Trauma Life Support Course (eg ATLS,</p>	<p>Tempoh Latihan: 5 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Sepenuhnya Dalam Negara (Peperiksaan di Luar Negara)</p>

Bil.	Bidang	Syarat Khusus	Kaedah & Tahun Latihan
		<p>TLSM) atau setara dengannya dan masih sah tempoh laku dari 2023.</p> <ul style="list-style-type: none"> 5. Telah melengkapkan Essential Learning Activities 1-6 (ELAs) dan disahkan oleh Pakar Kecemasan/ Pegawai yang menyelia. 6. Lulus temuduga dan penilaian OSCE yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Bersama Kepakaran Perubatan Kecemasan. 7. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan. 	
10	Radiologi Klinikal	<p>Kelulusan: Fellowship of the Royal College of Radiologists of United Kingdom (Clinical Radiology)</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Mempunyai Sijil Pendaftaran Penuh dari Majlis Perubatan Malaysia dan mempunyai Annual Practicing Certificate (APC) yang terkini. 2. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan dalam tempoh 2 tahun terkini. 3. Telah lulus kertas peperiksaan; <ul style="list-style-type: none"> i. Fellowship of the Royal College of the Radiology, FRCR (UK) samada Modul Fizik (Physics) atau Anatomi (Anatomy). Had maksimum percubaan yang gagal adalah empat (4) percubaan bagi setiap satu untuk mana-mana kertas peperiksaan; dan ii. Medical Specialist Pre-Entrance Examination (MedEx-Radiology) dengan keputusan sekurang-kurangnya Band 4 dan masih sah iaitu dalam tempoh tiga (3) tahun sebelum tahun tawaran 	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Sepenuhnya Dalam Negara (Peperiksaan di Luar Negara)</p>

Bil.	Bidang	Syarat Khusus	Kaedah & Tahun Latihan
		<p>kemasukan.</p> <p>4. Telah berdaftar untuk menduduki Peperiksaan FRCR (UK) samada Modul Fizik (Physics) atau Anatomi (Anatomy) sesi 2025 atau 2026 atau MedEx-Radiology sesi 2025 pada tarikh tutup iklan dan lulus peperiksaan tersebut.</p> <p>5. Pengetahuan klinikal dan Kemahiran Profesional: Boleh melaksanakan tugas seperti yang termaktub dalam penilaian Examination Learning Activities (ELA).</p> <p>6. Lulus saringan temuduga daripada Jawatankuasa Teknikal Latihan Kepakaran Laluan Parallel bidang Radiologi Klinikal.</p> <p>7. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan.</p>	
11	Anestesiologi dan Rawatan Kritikal	<p>Kelulusan: Fellowship of the College of Anaesthetists of Ireland</p> <p>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan termasuk enam (6) bulan dalam bidang Anestesiologi dan Rawatan Kritikal.</p> <p>2. Telah lulus kertas peperiksaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membership of the College of Anaesthetists of Ireland (MCAI – MCQ (Ireland) Examination. <p>3. Telah berdaftar untuk menduduki Peperiksaan MCAI – MCQ (Ireland) sesi Januari 2026 pada tarikh tutup iklan.</p> <p>4. Pemohon mesti menyediakan bukti <i>Essential Learning Activities</i> (ELA) dalam bentuk buku log.</p> <p>5. Lulus saringan temuduga daripada Jawatankuasa Teknikal Latihan Kepakaran Laluan Parallel bidang Anestesiologi dan Rawatan Kritikal.</p> <p>6. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan.</p>	<p>Tempoh Latihan: 6 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Sepenuhnya Dalam Negara (Peperiksaan di Luar Negara)</p>

Bil.	Bidang	Syarat Khusus	Kaedah & Tahun Latihan
12	Obstetrik & Ginekologi	<p>Kelulusan: Membership of the Royal College of Obstetricians and Gynaecologists of United Kingdom</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) 2. Telah lulus kertas peperiksaan berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Membership of the Royal College of Obstetricians and Gynaecologists (MRCOG (UK)) Part 1. 3. Telah berdaftar untuk menduduki Peperiksaan MRCOG (UK) Part 1 sesi 2025 atau 2026 pada tarikh tutup iklan. 4. Lulus saringan temuduga daripada Jawatankuasa Teknikal Latihan Kepakaran Laluan Parallel bidang Obstetrik dan Ginekologi. 5. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan. 	<p>Tempoh Latihan: 5 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Sepenuhnya Dalam Negara</p>
13	Pembedahan Plastik	<p>Kelulusan: Fellowship of the Royal College of Surgeons of Glasgow in Plastic Surgery</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) dalam bidang-bidang seperti berikut; <ul style="list-style-type: none"> i. Satu (1) tahun dalam bidang pembedahan am; ii. Enam (6) bulan dalam bidang pembedahan plastik; dan iii. Enam (6) bulan dalam bidang pembedahan direktorat (antara contoh: Perubatan Kecemasan/ Anestesiologi dan Rawatan Kritikal/ Neurosurgeri/ Otorinolaringologi) 2. Telah lulus kertas peperiksaan berikut: Membership of the Royal College of Surgeon (MRCS) <ul style="list-style-type: none"> i. MRCS (Ireland) Part A dan Part B atau; 	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Sepenuhnya dalam Negara</p>

Bil.	Bidang	Syarat Khusus	Kaedah & Tahun Latihan
		<ul style="list-style-type: none"> ii. MRCS (England) Part A dan Part B; atau iii. MRCS (Edinburgh) Part A dan Part B; atau iv. MRCS (Glasgow) Part A dan Part B. <p>3. Lulus saringan temuduga daripada Jawatankuasa Teknikal Latihan Kepakaran Laluan Parallel bidang Pembedahan Plastik.</p> <p>4. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan.</p>	
14	Oftalmologi	<p>Kelulusan: Fellowship of the Royal College of Ophthalmologists of United Kingdom</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) dalam bidang Oftalmologi. 2. Telah lulus kertas peperiksaan berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Medical Specialist Pre-Entrance Examination (MedEx-Oftalmologi) dengan keputusan sekurang-kurangnya Band 4; dan ii. Part 1 Fellowship of the Royal College of Ophthalmologists (FRCOphth) Written Exam. 3. Telah berdaftar untuk menduduki Peperiksaan Part 1 FRCOphth sesi 2025 pada tarikh tutup iklan dan lulus peperiksaan tersebut. 4. Lulus saringan temuduga daripada Jawatankuasa Teknikal Latihan Kepakaran Laluan Parallel bidang Oftalmologi. 5. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan. 	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Sepenuhnya Dalam Negara (Peperiksaan di Luar Negara)</p>
15.	Patologi Forensik	<p>Kelulusan: Fellowship of the Royal College of Pathologists of Australasia in Forensic Medicine</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Mempunyai Sijil Pendaftaran Penuh dari Majlis Perubatan 	Tempoh Latihan: 5 tahun

Bil.	Bidang	Syarat Khusus	Kaedah & Tahun Latihan
		<p>Malaysia dan mempunyai Annual Practicing Certificate (APC) yang terkini.</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) di Jabatan Perubatan Forensik. 3. Logbook bedah siasat dengan sekurang-kurangnya 50 kes. 4. Perlu melengkapkan Latihan sangkutan di Unit Patologi Anatomik, Jabatan Patologi sekurang-kurangnya 3 bulan. 5. Telah lulus kertas peperiksaan berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Basic Pathological Sciences (BPS), FRCPA; atau ii. Medical Specialist Pre-Entrance Examination (MedEx-Patologi) dengan keputusan sekurang-kurangnya Band 4 dan masih sah pada tarikh tutup iklan. 6. Telah berdaftar untuk menduduki peperiksaan MedEx-Patologi sesi 2025 pada tarikh tutup iklan dan lulus peperiksaan tersebut. 7. Mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang baik 8. Tidak rabun warna. 9. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan. 	Kaedah Latihan: Kombinasi - 2.5 Tahun dalam negara - 2.5 Tahun luar negara

JENIS-JENIS PENYAKIT

- a) Penyakit Mental (*Mental illness*);
- b) Penyakit Sistem Saraf [(Strok, dementia) (*Neurological illness (Cerebrovascular accident, dementia)*)];
- c) Penyalahgunaan dan ketagihan dadah (*Substance abuse and dependence*);
- d) Ketidakupayaan fizikal atau kurang upaya (*Physical disabilities (or handicap)*);
- e) Masalah perubatan, termasuk yang berkaitan penuaan dan jangkitan yang kronik (*Medical conditions, including those related to ageing and chronic infections*);
- f) Lain-lain masalah perubatan yang boleh menjaskan keupayaan untuk mengamal (*Any other conditions which may give rise to impairment to practitioners*)

*Sumber rujukan: **Managing Impaired Registered Medical Practitioners, Guideline of the Malaysian Medical Council, MMC Guideline 001/2010**

PEGAWAI PERUBATAN TETAP/ KONTRAK

SENARAI SEMAK DOKUMEN SEMASA SESI TEMUDUGA

Penting: Setiap dokumen hendaklah dikemukakan dalam dua (2) salinan yang lengkap dan disahkan

	Diisi oleh:	
	Calon	Jawatankuasa Teknikal
9. Borang Permohonan Online;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10. Lampiran 1 (Borang Maklumat Perkhidmatan);	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11. Borang Referee (Borang R);	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12. Salinan <i>Medical Report</i> (Laporan Perubatan) (jika berkaitan);	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13. Surat (<i>Covering letter</i>) daripada Jabatan/Tempat Bertugas dengan sokongan/ulasan dari segi kebenaran mengikuti Latihan/kesesuaian bidang;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14. Salinan Keputusan Peperiksaan seperti dalam Syarat-syarat khusus (jika berkaitan);	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
15. Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan disahkan;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
16. Salinan Surat Pengesahan Jawatan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA);	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
17. Salinan Sijil Pendaftaran Penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) ;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
18. Salinan Dokumen sokongan yang lain (contoh : Salinan Kad Pengenalan, sijil SPM, sijil-sijil dan transkrip).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PERAKUAN PEMOHON	
Nama:	
Jawatan:	
Jabatan:	

UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA TEKNIKAL	
Nama:	
Cop Jabatan:	
Tarikh:	
UNTUK KEGUNAAN BPL	
Nama:	
Cop Jabatan:	
Tarikh:	

LAMPIRAN 1**BORANG MAKLUMAT PERKHIDMATAN**

A	LATIHAN SEMASA HOUSEMAN		
	Disiplin (sila nyatakan)	Tempat Latihan	Ketua/Pakar
1.			
2.			
B	SEJARAH PERKHIDMATAN		
Tarikh dan tempoh masa penempatan	Hospital/Jabatan/Unit	Pakar Perunding	
C	REFEREE		
<i>(Sila namakan referee yang berpengetahuan mengenai kemahiran klinikal anda dan juga merupakan immediate supervisor. Referee tersebut hendaklah mengisikan Borang R dengan lengkap seterusnya mengemukakan bersama dengan borang permohonan ke Bahagian Pengurusan Latihan, KKM)</i>			
Referee 1			
Nama:			
Jawatan:			

Tempat Bertugas:

Referee 2

Nama:

Jawatan:

Tempat Bertugas:

D PENERBITAN / PENYELIDIKAN / PENYAMPAIAN KERTAS KERJA

(Sila senarai mengikut tahun)

1. _____
2. _____
3. _____

E PENGLIBATAN DALAM ORGANISASI PROFESIONAL

(Sila senarai mengikut tahun)

1. _____
2. _____
3. _____



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN

BORANG REFEREE
LATIHAN LALUAN PARALEL DENGAN TAJAAN HLP/ BIASISWA, KKM

NOTA:

Referee mestilah terdiri daripada pakar klinikal yang mempunyai pengetahuan mengenai kemahiran klinikal calon atau merupakan *immediate supervisor* seperti Ketua Jabatan calon.

LAPORAN REFEREE

NAMA CALON : _____

NAMA REFEREE : _____

BIDANG YANG DIPOHON : _____

Beri komen/ulasan anda mengenai calon tersebut dalam perkara –perkara berikut:

1. HUBUNGAN DENGAN STAF, PESAKIT DAN KELUARGA PESAKIT:

2. KOMITMEN TERHADAP KERJA, KERJA BERPASUKAN DAN MEMPUNYAI KUALITI-KUALITI PEMIMPIN :

3. PENGETAHUAN DAN “PROFESSIONAL SKILLS” :

4. PENGLIBATAN DALAM PENYELIDIKAN DAN LATIHAN :

5. KESESUAIAN UNTUK MENJALANI LATIHAN LALUAN PARALEL DENGAN HLP KKM :

Tandatangan *Referee* : _____

Cop Rasmi *Referee* : _____

Tarikh : _____

Borang ini hendaklah diisikan dengan lengkap oleh *Referee* dan dikemukakan bersama-sama dengan dokumen lain semasa temuduga kepada pihak Urus Setia Temuduga (Jawatankuasa Teknikal)